

15 NOV 2001

Diesel-Harga

HARGA DIESEL DITURUNKAN SEMULA

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Harga runcit diesel yang dinaikkan 10 sen seliter mulai 20 Oktober lepas diturunkan semula kepada harga lama mulai esok, Kementerian Kewangan mengumumkan hari ini.

Dalam satu kenyataan, kementerian itu berkata keputusan menurun semula harga itu diambil kerana kerajaan prihatin terhadap rungutan oleh para pengusaha pengangkutan awam dan nelayan mengenai kesan kenaikan itu terhadap kos operasi mereka dalam keadaan ekonomi sekarang.

Kenaikan itu diumumkan dalam Belanjawan 2002 yang dibentangkan di Parlimen pada 19 Oktober lepas oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan. diturunkan semula kepada 71 sen seliter mulai esok.

Menurut kenyataan itu, dengan penurunan harga itu, tanggungan subsidi kerajaan ke atas setiap liter diesel akan meningkat sebanyak 10 sen iaitu dari 12.76 sen seliter kepada 22.76 sen seliter.

Oleh itu, kerajaan akan menanggung subsidi dianggarkan sebanyak RM1 bilion.

Kenyataan itu berkata walaupun dengan kenaikan harga tersebut, harga runcit diesel di Malaysia masih lagi rendah berbanding dengan harga di negara-negara jiran.

" Memandangkan harga runcit diesel telah diturunkan, kerajaan ingin memberi peringatan kepada peniaga-peniaga supaya tidak menaikkan harga barang-barang dan perkhidmatan yang disediakan," katanya.

-- BERNAMA

AU AU RM ZS MAI